KERJA SEBAGAI IBADAH

MOHD AJIB BIN ISMAIL
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Pengenalan

- Manusia diwajibkan beribadah kepada Allah swt bagi memenuhi keperluan mereka di tiga negeri iaitu dunia , barzakh dan akhirat.
- Ibadah meliputi seluruh kegiatan manusia asalkan tidak bertentangan dengan hukum Allah swt.

- Ibadah tidak hanya setakat mengucap dua kalimah syahadat , sembahyang , puasa , haji , membaca quran , bertasbih , bertahmid dan bertakbir sahaja tetapi meliputi seluruh kegiatan manusia yang diiringi dengan keikhlasan kerana Allah swt.

- Adakah bekerja boleh dipandang sbg suatu kewajipan @ tanggungjawab yang punyai tujuan yang lebih luas ?
- Apakah bekerja itu hanya sekadar untuk menampung & menjamin kehidupan di dunia ini.
- Soalan ini perlu dijawab dgn memahami konsep kerja sebagai ibadah.

Definisi Kerja

- Kerja @ Amal – makna umum & khusus.
- Amal (umum)- melakukan @ meninggalkan apa jua perbuatan yang disuruh @ dilarang oleh agama meliputi perbuatan baik @ jahat.
- Perbuatan baik dinamakan *amal soleh* dan perbuatan jahat dinamakan *maksiat*.

- Amal(khas)- melakukan pekerjaan @ usaha yang menjadi salah satu unsur terpenting dan titik tolak bagi proses kegiatan economy seluruhnya.
- Kerja dlm makna khas menurut islam terbahagi kepada :

  1] Kerja bercorak jasmani (fizikal)

  2] Kerja yang bercorak aqli / fikiran (mental)

Definisi Lain ttg Kerja

- * Kerja / Amal :
  - A-Bahasa : Melakukan sesuatu
  - B- Syara' : Melakukan sesuatu usaha & ikhtiar dalam keadaan sedar utk tujuan penghasilan productiviti.
  - Kerja merupakan suatu sumber untuk mendapatkan rezeki bagi tanggungan diri sendiri , keluarga dan orang lain.

Ibadat

- * A – Bahasa [Kepatuhan , pengabdian , penyembahan.
- * B – Syara' [Melaksanakan titah perintah Allah swt & meninggalkan larangannya mengikut syariat yang telah ditetapkan oleh Allah bagi mendapatkan keredaan berasaskan kepada iman & taqwa.

Keterangan Hadis

- " *Tidaklah ada makanan seseorang itu yang lebih baik daripada apa yang dimakannya dari hasil usaha tangannya sendiri* " (Riwayat Al-Bukhari)

- Ini dapat dikatakan – konsep kerja meliputi segala bidang ekonomi (syara') sebagai balasan kpd upah @ bayaran , - kerja jasmani spt buruh , pertanian , pertukangan tangan dll @ kerja aqli spt jawatan pegawai samada perguruan , ikhtisas @ perkeranian dan technical.

- Para sahabat gunakan perkataan (amil) pekerja utk jawatan tugas pemerintahan spt qadhi , gabenor dll.
- Segala kerja & usaha yang dibolehkan syara' baik bersifat kebendaan @ abstract –kedua-dua adalah "kerja".

Kategori Kerja Sbg Ibadah

- 1] Kerja Untuk Keperluan Peribadi
- 2] Kerja Untuk Keperluan Keluarga
- 3] Kerja Untuk Keperluan Masyarakat
- 4] Kerja Untuk Memakmurkan Bumi Allah
- 5] Berbakti Kepada Allah

Syarat Kerja Sbg Ibadah

- * Diakui Islam
- * Dikerjakan Dengan Niat Yang Baik
- * Dilakukan Dengan Sebaik-baik
- * Mengikut prinsip Syariat (quality)
- *Tidak melalaikan iaitu tinggal yang wajib buat yang harus

Ciri-Ciri Kerja Sbg Ibadah

- 1 } Niat
- 2 } Amanah – Allah , Diri , Masyarakat
- 3 } Tekun 4 } Ikhlas
- 5 } Sabar 6 }Membuat Yg Terbaik
- 7 } Bekerja Melebihi Drpd Gaji Yg Terima
- 8 } Tidak Curi Tulang Ketika Kerja

- 9] Komited / bersungguh-sungguh
  - - sentiasa bersedia
  - - tidak jemu belajar / tunjuk ajar
  - - meningkat kecekapan
  - - sanggup berkorban

- 10] Azam & Tawakkal
  - - memberi contoh terbaik / punyai misi & visi
  - - cita-cita tinggi , yakin boleh
  - - doa & tawakkal

  11] Kerja secara berkumpulan

  12] Hasil kerja yang produktif

Kategori Pekerja

- 1] Pandai bercakap & bekerja (pekerja contoh & bertanggungjawab)
- 2] Tidak pandai cakap tetapi pandai buat kerja (pekerja harapan)
- 3] Pandai cakap & tidak pandai kerja (tidak boleh dicontohi)
- 4] Cakap & Kerja tidak pandai (Rugikan jabatan bayar gaji)

Bentuk Watak Pekerja Di Jabatan

- 1] Rajin bercakap & Rajin kerja (Idola)
- 2] Rajin kerja & malas cakap (asyik kena buli)
- 3] Malas kerja & rajin cakap (tauke wayang Cina)
- 4] Malas kerja & malas cakap (tidak berguna – Tukun Tiruan)

- 5] Malas kerja & suka Mengadu (Nyamuk)
- 6] Malas kerja , selalu ponteng (lebih baik berhenti , buat habis duit kerajaan saja)
- 7] malas kerja suka termenung (lebih baik mati – menyusahkan orang sahaja)

Allah janjikan hidup bahagia di dunia

- ** Sesiapa yang beramal soleh samada (L) @ (P) sedang ia beriman maka sesungguhnya kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalas mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka usahakan .*

Tuntutan Budaya Kerja Cemerlang

- * Status manusia sbg khalifah mesti laksanakan yang terbaik.
- * Bekerja dgn cemerlang menjadi tuntutan Islam kerana Ianya mempunyai nilai ibadah.
- * Bekerja memenuhi tuntutan hidup bagi mencari rezeki untuk individu muslim.

Kerja Dlm Implikasi Sosial

- 1] Asal manusia – sama sebagai manusia & pekerja yang punyai kemuliaan dan kehormatan sekalipun , perbezaan itu tidaklah merupakan keistimewaan satu pihak terhadap yang lain.

- 2] Pekerja x hanya satu kelompok masyarakat , bahkan mereka adalah semua anggota masyarakat.
- Jadi , mengikut konsep Islam – masyarakat tersusun dari kerjasama antara sesama pekerja di dalamnya , x terdiri dari kumpulan para pekerja dan majikan seperti fahaman sistem ekonomi kapitalis @ komunis.

Kerja Menurut Tuntutan Islam :-

- Islam – kerja sbg tuntutan fardhu atas semua umatnya selaras dgn dasar persamaan yang disytiharkan oleh Islam bagi hapuskan sistem yang membezakan manusia mengikut darjat @ kasta dan warna kulit.

Firman Allah swt bermaksud :

- *“Wahai sekalian manusia , sesungguhnya Kami menciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa “* [Surah Al-Hujurat :13]

- Islam juga meningkatkan tuntutan kerja hingga ke tahap kewajipan agama.
- Oleh itu , tahap iman sentiasa dikaitkan oleh al-Quran dgn amal soleh.
- Ini bererti Islam itu adalah aqidah yang mesti diamalkan dan amalan yang mesti beraqidah secara tidak terpisah. Firman Allah SWT dalam ayat berikut ini :-

Surah Al-Asr

- " *Demi masa , sesungguhnya sekalian manusia dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh* "(1-3)

Kerja Sebagai Sumber Nilai

- * Sebagai sumber nilai insan dan ukuran tanggungjawab berbeza.
- Firman Allah SWT bermaksud :
  - " *Dan bahawa sesungguhnya tidak ada balasan bagi seseorang itu melainkan blasan apa yang diusahakan* " (Al-Najm :39)

- * Manusia itu sendiri menentukan nilai @ harga ke atas sesuatu perkara itu.
- * Sumber yg objective bagi penilai prestasi manusia berasaskan kelayakan.
- * Islam menentukan ukuran & syarat kelayakan dan juga syarat kegiatan bg menentukan suatu pekerjaan @ jawatan itu supaya dapat dinilai prestasi kerja seseorang itu. – perasaan pilih kasih.

Kerja - Sumber Pencarian

- Islam Wajibkan setiap umatnya bekerja mencari rezeki & pendapatan bagi menyara hidupnya.
- Islam berikan pelbagai kemudahan hidup dan jalan-jalan mendapatkan rezeki di bumi Allah yang penuih dengan segala nikmat.

- " *Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan , maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya , serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah dan kepada-Nya jualah dibangkitkan hidup semula* " (Surah Al-Mulk : 1-5)

- * Cari rezeki hala kerana pekeraan itu adalah bagi memelihara maruah dan kehormatan manusia.
- * Firman Allah : " *Wahai sekalian manusia , makanlah dari apa yang ada di muka bumi yang halal lagi baik* " (Al-Baqarah : 168)

- Islam mencela kerja meminta-minta @ mengharapkan pertolongan orang lain kerana ia boleh merendahkan harga diri .
- Sabda Rasulullah SAW:" *Bahawa sesungguhnya , seseorang kamu pergi mengambil seutas tali lalu mengikat seberkas kayu api lalu menjualnya hingga dgn sebab itu ia dapat memlihara harga dirinya , adalah lebih baik daripada pergi meminya-minta kepada orang samada mereka memberinya atau menoloaknya* "

Kerja-Asas Kemajuan Ummah

- Mendaptkan mata pencarian hidup & secara langsung mendorongkan kemajuan sosioekonomi.
- Hadis Rasulullah SAW sangat ketara dorongan ke arah kemajuan ekonomi di sektor tersebut , sebagai contoh :-

- 1] Pertanian – Sabda Rasulullah SAW maksudnya :"Tidaklah seseorang mukmin itu menyemai semaian atau menanam tanaman lalu dimakan oleh burung atau manusia melainkan ianya adalah menjadi sedeqah "

- 2] Perusahaan – Sabda Rasulullah SAW bermaksud : " *Sebaik-baik ialah usaha seorang pengusaha apabila ia bersifat jujur dan nasihat menasihati* "
- 3] Perniagaan – Sabda Rasulullah SAW maksudnya :" *Peniaga yg jujur adalah bersama para wali , orang siddiqin , syuhada' , orang-orang soleh* "

- Firman Allah swt yang bermaksud ;

  " dan mereka (jin dan manusia) tidak disuruh beribadah kepada Allah , melainkan dengan penuh keikhlasan keranaNya dalam menjalankan agama yang lurus "

  [Surah al-bayinah : 5]

- Bekerja dan berusaha dapat rezeki Allah di muka bumi.
- Firman Allah swt ; " Dan carilah daripada kurniaan Allah akan kebahagiaan negeri akhirat , tetapi jangan lupa nasib kamu di dunia "[al-qasas;77]

8 Elemen Penting Perlu Ada ;

- 1] Ketekunan dan kemahiran (itqan)
- 2] Kecemerlangan
- 3] Kesederhanaan (qana'ah)
- 4] Amanah
- 5] Perkumpulan (jama'ah)
- 6] Perundingan (syura)
- 7] Keseimbangan (tawazun)
- 8] Konsistensi (istiqamah)

Seruan Rasulullah s.a.w

- Sabda Baginda Yang Bermaksud " Bekerjalah kamu untuk dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beramallah untuk akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati esok hari "

Pandangan Prof Syeikh Dr Yusof Al-Qaradhawi

- Orang yang mampu bekerja dan berusaha , tetapi berdiam diri kerana malas atau sebagainya adalah haram *[Halal dan Haram Dalam Islam]*

Saranan Imam Al-Ghazali:

- Ikhlas inti kepada kebudayaan kerja dalam Islam. Setiap amalan dan kerja akan dikira sebagai ibadah dan diberi pahala oleh Allah swt bila terdapat keikhlasan dan jika sebaliknya ia akan tertolak.

  [Kitab Minhajul Abidin]

Ikhlas Dapat Hapuskan Sikap :

- 1] datang lewat pulang awal
- 2] kurang berusaha
- 3] tidak cekap
- 4] menyalahguna kuasa
- 5] rasuah , khianat , buang masa
- 6] ponteng kerja
- 7] bermuka-muka

Ikhlas Dapat Lahirkan ;

- 1] pekerja tekun, bersemangat , amanah , cemerlang samada di hadapan khalayak ramai atau ketika seorang diri.
- 2] melakukan kerja dengan penuh tanggungjawab tanpa harapkan sebarang pujian.
- 3] ikhlas tidak wujud dalam diri mereka yang tidak beriman.

Peringatan :

- Ketahui bahawa segala perkerjaan dalam pemerhatian Allah swt.samada kecil atau besar
- Dibalas berdasarkan kepada amalan .

Beberapa Fakta Yang Boleh Direnung :-

- Tiap-tiap orang hanya memperolehi apa yang diusahakan olehnya [rujuk An-Najm;39]
- Kerja mengikut tertib [rujuk al-Insyirah :7]
- Bijaksana dalam meggunakan masa [rujuk An-Nisa':1-3]

...sambungan..

- Tidak terlalu mengharap penghargaan dan balasan keduniaan.[rujuk Al-Muddathir ;6 dan Al-Insan;9]

Sumber hadith...

- Meningkatkan mutu kerja disukai oleh agama. [al-baihaqi]
- Keseimbangan penumpuan usaha antara berusaha untuk dunia dan berusaha untuk akhirat.[al-khatib dan al-bukhari]
- Allah kasih kepada orang yang berusaha / bekerja [ahmad . attabrani,]

Implikas Kerja Tidak Ikut Islam

- 1] Berlaku bencana dan bala.
- 2] Bencana secara menyeluruh
- 3] azab Di Dunia & Akhirat
- 4] Kurang Keberkatan Hidup

Kesimpulan

- Islam satu cara hidup yang membimbing penganutnya ke peringkat paling tinggi dalam serba bidang.

Akhirnya….

- **3 Perkara Yang Amat Penting :-**
  - **Konsep Kerja Sebagai Ibadah**
  - **Konsep Niat dan tertib serta pembentukan peribadi kumpulan yang benar-benar berhasrat**
  - **Potensi untuk mencapai kecemerlangan dalam apa bidang sekalipun.**

SEKIAN ,

TERIMA KASIH

WALLAHU ‘ALAM